

Selasa
29 September 2015
15 Zulhijah 1436H

Harga
RM1.20



Utusan Borneo

PPK 220/12/2012 (031414)

Citra Generasi Prihatin

Ekowood dianugerahi 'Brand of The Year'

► Malaysia's Best Wood Flooring 2015/2016

LONDON: Ekowood telah memenangi satu lagi anugerah antarabangsa atas usaha penjenamaannya yang wajar diteladani.

Jenama Malaysia kelahiran tempatan ini dianugerahkan Anugerah 'Brand of the Year' dalam kategori kebangsaan produk lantai kayu. Anugerah disampaikan kepada Pengerusi Ekowood International Datuk (Dr) Kelvin Tan pada majlis World Branding Awards yang diadakan di The Kensington Palace, London pada 24 September 2015.

World Branding Awards mengiktiraf dan meraikan antara jenama global dan kebangsaan terbaik bagi usaha dan pencapaian mereka. Apa yang unik, pemenang-pemenang dinilai melalui tiga aliran; penilaian jenama, penyelidikan pasaran pengguna dan pengundian awam dalam talian, serta pengundian oleh Majlis Penasihat World Branding Forum, yang terdiri daripada tokoh-tokoh daripada dunia penjenamaan.

Pemegang-pemenang kebangsaan lain dari seluruh dunia termasuk Maybank dari Malaysia, Hugo Boss dari Jerman, Prada dari Itali, Seiko dari Jepun, Samsung dari Korea, KLM dari Belanda, Chunghwa Telecom dari Taiwan, Santander dari Sepanyol dan Royal Mail dari United Kingdom.

Pemegang Global termasuk Apple, Cartier, Coca-Cola, Facebook, Google, Guinness, Lego, Louis Vuitton, McDonald's, Mercedes Benz, Nescafé, Nike dan Rolex.

"Saya berasa amat bangga dan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada World Branding Forum bagian anugerah



KELVIN TAN menerima anugerah penjenamaan itu daripada Richard Rowles.

berprestij ini. Sesungguhnya, ia merupakan satu peristiwa yang penting bagi Ekowood. Ekowood sentiasa percaya dalam mewujudkan nilai melalui penjenamaan sejak penubuhannya," kata Kelvin Tan.

"Penganugerahan ini adalah untuk meraikan pencapaian antara jenama paling unggul di seluruh dunia. Untuk memenangnya, satu jenama perlu mempunyai reputasi yang baik dan kepercayaan dengan pengguna, kerana 70 peratus daripada proses pemarkahan adalah daripada pengguna yang mengundi jenama kegemaran mereka,"

kata Richard Rowles, Pengerusi World Branding Forum.

Ekowood International Bhd telah ditubuhkan pada tahun 1994 dan tersenarai di Bursa Malaysia. Ekowood mengkhusus dalam rangkaian bekalan produk lantai kayu keras teraka bentuk. Produk-produk ini dieksport ke 35 negara dan telah diterima baik di peringkat antarabangsa.

Untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, Ekowood telah menubuhkan pejabat antarabangsa dan pusat pengedaran di Amerika Syarikat, Sepanyol dan

Luxembourg.

Ekowood menawarkan pelbagai jenis spesies, warna dan reka bentuk yang memenuhi cita rasa pereka yang arif sepadan dengan slogannya 'cara hidup yang bergaya'. Penjenamaan telah menjadi sebahagian daripada DNA Ekowood sejak ia bermula dan usaha yang dilaksanakan disesuaikan menurut keperluan dan bukannya secara rambang, menjadikannya jenama yang berjaya.

Sejak beberapa tahun lalu, Ekowood telah memenangi banyak pengiktirafan. Antara yang terunggul ialah:

Anugerah Best Engineered Solid Hardwood oleh Contract Floors Magazine UK & Ireland (2002); Status Superbrand oleh Superbrands Malaysia (2005); Anugerah Brand Excellence oleh MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri); Biggest Range of Solid Hardwood Flooring di Malaysia (The Malaysian Book of Records 2005); Anugerah The Brandlaureate (2008); dan Anugerah The Brandlaureate Best Brand (2014).

Anugerah yang terkini ini adalah bukti kepada apa yang telah dicapai oleh Ekowood selama ini. Usaha penjenamaan Ekowood masih berterusan.